



06
BAB
CHAPTER



HAL EHWAL ALAM SEKITAR ANTARABANGSA – KERJASAMA SERANTAU INTERNATIONAL ENVIRONMENTAL AFFAIRS – REGIONAL COOPERATION

MESYUARAT KETIGA BELAS KUMPULAN KERJA JAWATANKUASA BERSAMA MALAYSIA - SINGAPURA MENGENAI ALAM SEKITAR (MSJCE WG)

THE 13th MALAYSIA - SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT WORKING GROUP MEETING (MSJCE WG)

Malaysia - Singapura

Mesyuarat Ketiga Belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (WG of MSJCE) telah diadakan pada 19-20 Mei 2015 di Singapura. Mesyuarat telah dipengerusikan bersama oleh Encik Ronnie Tay, Ketua Pegawai Eksekutif, *National Environment Agency*, Singapura dan Y.Bhg. Dato' Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia.

Mesyuarat ini dihadiri oleh 15 orang ahli delegasi dari pelbagai agensi dari Malaysia seperti Pusat Hidrografi Nasional, Universiti Kebangsaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (Johor), Jabatan Laut, *Johor Port Authority* dan wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pihak Singapura pula diwakili oleh 22 delegasi dari pelbagai agensi seperti Lembaga Pembekalan Awam, Kementerian Pembangunan Negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Lembaga Perumahan dan Pembangunan, *Maritime and Port Authority*, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air dan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura.

Mesyuarat ini memainkan peranan penting untuk kedua-dua negara bertukar-tukar maklumat dan pengalaman dalam menangani isu-isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan bersama.

Malaysia-Singapore

The 13th Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE) Working Group Meeting (WG of MSJCE) was held in Kuala Lumpur on 19-20 May 2015. The Meeting was co-chaired by Mr. Ronnie Tay, Chief Executive Officer, National Environment Agency, Singapore and Dato' Halimah Hassan, Director-General of Environment, Malaysia.

This meeting was attended by 13 delegates from various agencies from Malaysia namely Centre of National Hydrography, University Kebangsaan Malaysia, Economic Planning Unit (Johor), Marine Department, Johor Port Authority and a representative from Ministry Natural Resources and Environment. Meanwhile, Singapore was represented by 21 delegates from different agencies namely Public Utilities Board, Ministry of National Development, Ministry of Foreign Affairs, Housing and Development Board, Maritime and Port Authority, Ministry of the Environment and Water Resources as well as the High Commission of the Republic of Singapore.

This meeting marked an important role for both countries to exchange information and experiences in tackling environmental issues of mutual interest.



Mesyuarat Kedua belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (MSJCE WG) pada 22-23 Mei 2014 di Kuala Lumpur
The 12th Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment Working Group Meeting (MSJCE WG) on 22-23 May 2014 in Kuala Lumpur

